

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
KOTA BHARU KELANTAN

SITI NOORLYZA BINTI RAZALI

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

LI 60 FPE 2 2006



1100045598

Laporan akhir latihan industri di Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kota Bharu Kelantan / Siti Noorlyza Razali.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

21050 KELANTAN
1100045598

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) KOTA
BHARU KELANTAN

OLEH
SITI NOORLYZA BINTI RAZALI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI & SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DIHANTAR KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN
TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)


2006

1100045598

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Siti Noorlyza binti Razali** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : SITI NOORLYZA BINTI RAZALI

No. Matrik : UK 9718

Tarikh : 26 OKTOBER 2006

Disahkan oleh:



(DR. ASYRAF BIN HAJI AB. RAHMAN)

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	i
SENARAI ISI KANDUNGAN	ii
PENGHARGAAN	v
BIODATA DIRI	vii
TERMINOLOGI	vili
RINGKASAN EKSEKUTIF	x
BAB 1 : LATARBELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan.....	1
1.1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan MARA.....	2
1.1.2 Misi.....	3
1.1.3 Visi.....	3
1.1.4 Objektif Organisasi.....	3
1.1.5 Strategi Perlaksanaan.....	4
1.1.6 Misi Korporat	5
1.1.7 Pernyataan Amanat	7
1.1.8 Piagam Pelanggan MARA.....	7
1.1.9 Moto Kualiti MARA.....	8
1.1.10 Logo MARA.....	9
1.1.11 Rasional Am Logo MARA.....	10
1.2 Maklumat Organisasi	
1.2.1 Alamat Organisasi.....	12
1.2.1 Carta Organisasi Pejabat MARA Negeri Kelantan.....	13
1.2.4 Organisasi MARA.....	14
1.2.5 Pasukan Pengurusan.....	14
1.3 Aktiviti Organisasi	
1.3.1 Unit Pembangunan Infrastruktur Perniagaan.....	16
1.3.2 Unit Pembiayaan Perniagaan MARA.....	20

1.3.3	Unit Latihan dan Kerjaya.....	23
1.3.4	Unit Kawalan Kredit dan Penguatkuasaan.....	25
1.3.5	Unit Pentadbiran.....	26
1.3.6	Unit Perkhidmatan Teknikal.....	27
1.3.7	Unit Pusat Usahawan MARA (PUSMA).....	27
1.4	Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang Dan Ancaman (Swot)	
1.4.1	Kekuatan (Strengths).....	30
1.4.2	Kelemahan (Weaknesses).....	42
1.4.3	Peluang (Opportunities).....	43
1.4.4	Ancaman (Threats).....	44
1.5	Kemahiran Yang Dipelajari	
1.5.1	Kemahiran Berkomunikasi	45
1.5.2	Kemahiran Mengenalpasti Sistem.....	45
1.5.3	Kemahiran Teknologi Maklumat.....	46
1.5.4	Kemahiran dalam Menggunakan Peralatan.....	47
1.5.5	Kemahiran dalam Mengenalpasti Masalah yang Wujud dan Cadangan Mengatasinya.....	47
BAB 2 :	PENGENALPASTIAN MASALAH	
2.1	Pengenalan.....	48
2.2	Mengenalpasti Sistem yang Sedia Ada.....	49
2.2.1	Sistem Penguatkuasaan Pembiayaan Perniagaan MARA.....	49
2.2.2	Sistem Maklumat Usahawan MARA (SIMUM).....	50
2.2.3	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS).....	51
2.2.4	Sistem Pembiayaan.....	51
2.3	Pengenalpastian Masalah	
2.3.1	Talian Terputus.....	53
2.3.2	Kelambatan Memasukkan Data Peminjam ke dalam Sistem.....	53

2.3.3 Bilik Fail Tidak Tersusun.....	54
2.3.4 Pekerja Kurang Mahir dalam Penggunaan Komputer.....	55
2.4 Cadangan Penyelesaian	
2.4.1 Meningkatkan Tahap Keupayaan.....	56
2.4.2 Memasukkan Semua Maklumat ke dalam Sistem dengan Segera.....	56
2.4.3 Bilik Fail Hendaklah Dipantau dari Masa ke Semasa.....	57
2.4.4 Menghantar Pekerja untuk Mengikuti Kursus Kemahiran Komputer.....	58
BAB 3: KESIMPULAN DAN PENUTUP.....	59
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	

PENGHARGAAN

Assalamualaikum.....

Syukur ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menjalani Latihan Industri di Majlis Amanah Rakyat (MARA) selama 12 minggu serta dapat menyiapkan Laporan Akhir bagi tempoh yang telah ditetapkan. Kejayaan menjalani Latihan Industri dan menyiapkan Laporan Akhir tidak mungkin dapat dicapai tanpa bantuan, galakan serta sokongan daripada pihak tertentu.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana telah memberi peluang kepada saya melanjutkan pelajaran dalam jurusan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) seterusnya dapat menimba ilmu dan pengalaman bekerja melalui Latihan Industri ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Asyraf Bin Haji Ab. Rahman selaku penyelia KUSTEM kerana sudi memantau, membuat kunjungan ke jabatan ini dan juga memberi tunjuk ajar sepanjang melakukan Latihan Industri serta menyiapkan laporan akhir Latihan Industri.

Ribuan terima kasih dan perhargaan yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Mohd Yunus Bin Razali (Pengarah MARA Negeri Kelantan), Encik Mohd Azhar Bin Mohd Nawi selaku penyelia Latihan Industri, Encik Nik Masrol Bin Nik Muhammad selaku Penolong Pegawai di Unit Pembangunan Infrastruktur Perniagaan, Encik Mohd Sufian Bin Abdul Aziz selaku Pegawai MARA Daerah

Kota Bharu, Encik Rosdi Bin Mohamed selaku Penolong Pegawai MARA Daerah Pasir Mas, staf-staf di Pejabat MARA Negeri dan Daerah kerana telah memberi banyak bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menjalani Latihan Industri.

Akhir sekali, saya juga ingin mngucapkan terima kasih kepada keluarga, rakan-rakan serta mereka yang secara tidak langsung banyak membantu dan memberi galakan kepada saya. Semoga Allah membalas jasa kalian.

Sekian, terima kasih.

BIODATA DIRI

Nama : Siti Noorlyza Binti Razali

Tarikh Lahir : 27 Januari 1984

Umur : 22 Tahun

Tempat Belajar : Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Program : Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)

Kelulusan Kemasukan : Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

Penyelia KUSTEM : Dr. Asyraf Bin Haji Ab: Rahman

Penyelia Industri :
1) Encik Mohd Azhar Bin Mohd Nawi
2) Encik Nik Masrol Bin Nik Muhammad
3) Encik Mohd Sufian Bin Abdul Aziz

Alamat : Kampung Pangkal Gerap,
Batu 2, Jalan Meranti,
17000 Pasir mas,
Kelantan Darul Naim.

Tempat Latihan Industri : Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Tarikh Latihan Industri : 17 April 2006 hingga 09 Julai 2006

TERMINOLOGI

AIM	-	Amanah Iktiar Malaysia
BMI	-	British Malaysian Institute
GMI	-	German Malaysian Institute
HRMIS	-	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
IIM	-	Institut Infotech MARA
IKM	-	Institut Kemahiran MARA
IPMA	-	Institusi Pendidikan MARA
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JSB	-	Jadual Bayaran Balik
KIM	-	Kawasan Industri MARA
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KPTM	-	Kolej Poly-Tech MARA
LPKP	-	Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan
LPU	-	Latihan Pembentukan Usahawan
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MF	-	Malaysian Spanish Institute
MIAT	-	Malaysian Institute of Aviation Technology
MIC	-	Bahagian Pengurusan Maklumat
MICET	-	Malaysian Institute of Chemical & Bioengineering Technology
MIMET	-	Malaysian Institute of Marine Engineering Technology
MMUPTM	-	Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu

MRSM	-	Maktab Rendah Sains MARA
PMD	-	Pejabat MARA Daerah
PMN	-	Pejabat MARA Negeri
PPK	-	Pusat Khidmat Kontrak
PUSMA	-	Pusat Usahawan MARA
PUTEK	-	Program Usahawan Teknikal
RIDA	-	Rural & Industrial Development Authority
RP	-	Rancangan Perniagaan
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SIMUM	-	Sistem Maklumat Usahawan MARA
SSM	-	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TEKUN	-	Tabung Usahawan Kecil
UniKL	-	Universiti Kuala Lumpur

RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah mewajibkan pelajar jurusan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) mengambil subjek Latihan Industri SOS 4299. Latihan Industri merupakan aspek yang amat penting dalam program pengajian di fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui Latihan Industri, pelajar ditempatkan di agensi awam dan swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah organisasi.

Objektif utama Latihan Industri ialah memastikan pelajar mendapat pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Pelajar juga boleh mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan serta dapat menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang masing-masing. Selain itu, untuk memastikan pelajar memahami nilai etika profesional masing-masing. Objektif lain adalah untuk memastikan pelajar menunjukkan kebolehan masing-masing dalam bidang pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Pelatih telah ditempatkan di Majlis Amanah Rakyat (MARA) sepanjang menjalani Latihan Industri iaitu selama 12 minggu dari 17 April 2006 hingga 09 Julai 2006 dan telah ditempatkan di dua unit iaitu unit Pembangunan Infrastruktur Perniagaan dan unit Pembiayaan Perniagaan MARA. Secara umumnya, Unit Pembangunan Infrastruktur Perniagaan adalah menyediakan premis perniagaan yang akan disewakan kepada usahawan Bumiputera manakala Unit Pembiayaan Perniagaan MARA adalah memberi kemudahan pinjaman kepada usahawan yang ingin mengembangkan peniagaan mereka.

Pembiayaan yang disediakan oleh MARA ini adalah berasaskan konsep Islam yang bebas dari riba dan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Jenis-jenis pembiayaan yang disediakan oleh MARA ialah Pembiayaan Kecil, pembiayaan Am, Pembiayaan Kontrak, Pembiayaan Pertanian dan Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK).

Kemudahan pembiayaan perniagaan yang disediakan oleh MARA adalah tidak bercanggah dengan syariat Islam dan terbuka kepada perniagaan perdagangan seperti kedai runcit, perusahaan makanan, menjual hasil pertanian, mengedar keperluan gerai burger dan lain-lain. Perniagaan perkhidmatan pula seperti gerai makan, kedai jahitan dan lain-lain.

Untuk mendapatkan pembiayaan daripada MARA, seseorang usahawan itu haruslah menyumbangkan modal sendiri sekurang-kurangnya 10 peratus daripada modal perniagaan. Usahawan yang memohon pembiayaan MARA lebih daripada RM30,000.00 ke atas hendaklah mengemukakan tanah atau jaminan atau kedua-duanya sekali sebagai cagaran mengikut peraturan yang sedia ada.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri banyak memberi kebaikan kepada pelajar iaitu dapat menambah pengetahuan dan pengalaman berkenaan sistem pengurusan dan pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar. Di harap latihan ini dapat memberi pengalaman yang berguna kepada mahasiswa dan mahasiswi.